

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015 / Januari 2016

**HKB 206 – KESUSASTERAAN POPULAR DAN INDUSTRI  
BUKU**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada EMPAT soalan hanya EMPAT soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Berikan definisi kesusasteraan popular. Bincangkan peranan budaya popular dan budaya massa terhadap kesusasteraan ini.  
[100 markah]
2. Dengan memilih dua buah novel popular yang bertajuk *Revelations of a Lady Detective* (1864) oleh William Stephens Hayward dan *The Broken Shore* (2005) oleh Peter Temple, bandingkan genre fiksyen jenayah. Bagaimanakah novel fiksyen jenayah yang ditulis dalam abad ke-21 berbeza daripada novel yang ditulis dalam abad ke-19. Pada pandangan anda kenapakah terdapat perbezaan-perbezaan tersebut?  
[100 markah]
3. Sejarah kesusasteraan popular boleh dikaitkan dengan budaya popular. Bincangkan bagaimana genre romans boleh ditempatkan dalam konteks sejarahnya dan dalam konteks budaya popular.  
[100 markah]
4. Kesusasteraan popular Malaysia dan kesusasteraan popular Australia mempunyai banyak persamaan dan perbezaan. Kenapakah *Rahsia Perindu* (2005) oleh Ramlee Awang Mursyid tidak mendapat tempat di persada dunia berbanding *The Broken Shore* (2005) oleh Peter Temple?  
[100 markah]
5. Apa itu industri kreatif? Jelaskan dengan memberi contoh-contoh yang tertentu bagaimana industri buku mengembangkan industri kreatif.  
[100 markah]
6. Novel-novel Sharifah Abu Salem amat laris di Malaysia dan telah dipindahkan ke layar perak dan juga dijadikan drama televisyen. Pilih SATU daripada novelnya dan bincangkannya faktor-faktor novel tersebut laris di pasaran Malaysia.  
[100 markah]

[HKB 206]

- 3 -

7. Industri buku mempunyai tiga kuasa yang mengawalinya. Bincangkan tiga kuasa tersebut dan pengaruh mereka ke atas perkembangan industri novel popular di Malaysia.

[100 markah]

- oooOooo -